

Soalan Lazim

Program Rujukan Ria (Penasihat Pelaburan Robo)

(Versi

Bahasa

Malaysia)

SOALAN AM

1. Apakah Program Rujukan Ria (Penasihat Pelaburan Robo).

Program Rujukan RIA menawarkan peluang yang menarik kepada anda sebagai Perujuk untuk mendapatkan RM10 dengan menjemput rakan dan keluarga anda, sebagai Dirujuk untuk menyertai Ria. Setiap rujukan yang berjaya, Dirujuk juga berpeluang untuk menerima RM10 dalam bentuk tunai, dikreditkan ke dalam Portfolio pertama mereka. Ini adalah tanda penghargaan kecil atas sokongan anda dalam menggalakkan pengguna baharu untuk melabur dengan Ria.

2. Bagaimana Program Rujukan RIA berfungsi?

Program Rujukan Ria menyediakan kod rujukan unik dan khusus untuk setiap pengguna. Integrasi dan perkongsian mudah melalui WhatsApp atau platform media sosial lain diselaraskan, membolehkan perkongsian dengan satu klik.

- (i) Buka aplikasi myASNB dan log masuk.
- (ii) Pergi ke Ria dengan mengklik ikon di bahagian atas atau bawah papan muka myASNB atau gunakan pintasan rujukan Ria di papan muka tersebut.
- (iii) Klik "Mula" dan kemudian ketik butang kongsi.
- (iv) Pilih kad kenalan, dan akhirnya, klik "Hantar."

GANJARAN DAN KELAYAKAN

1. Apakah ganjaran yang boleh saya perolehi?

Apabila seseorang mendaftar dan melabur di Ria menggunakan pautan rujukan anda, ASNB akan menandatangani RM10 tunai ke dalam portfolio Ria pertama Perujuk dan RM10 tunai ke dalam portfolio Ria pertama Dirujuk.

2. Siapa yang boleh saya rujuk untuk mendapat ganjaran?

- (i) Dirujuk tidak mempunyai akaun Ria sebelum Kempen Rujukan ini.
- (ii) Dirujuk harus memenuhi syarat umur, dengan minimum umur untuk membuka akaun adalah 18 tahun.

3. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi agar saya (Perujuk) dapat menikmati ganjaran tersebut?

- (i) Sudah mendaftar untuk akaun RIA dan membuat deposit permulaan sebanyak RM100 ke dalam portfolio anda.
- (ii) Menjemput sekurang-kurangnya seorang rakan yang bukan pengguna RIA untuk membuka akaun dan melabur di Ria menggunakan kod rujukan anda.
- (iii) Memastikan bahawa akaun Ria anda mempunyai sekurang-kurangnya satu portfolio yang aktif.

4. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi agar saya (Dirujuk) dapat menikmati ganjaran tersebut?

- (i) Penerima Kod Rujukan mesti mendaftar akaun RIA menggunakan Kod Rujukan Pemberi Rujukan.

Nota Penting: Kod Rujukan mesti dimasukkan sebelum mencipta portfolio pertama. Jika portfolio dicipta terlebih dahulu dan kod dimasukkan selepas itu, Penerima Kod Rujukan tidak akan layak untuk ganjaran kempen.

- (ii) Penerima Kod Rujukan mesti membuat pelaburan minimum sebanyak RM100.00 dalam satu transaksi.
- (iii) Penerima Kod Rujukan juga mesti mengekalkan baki minimum sebanyak RM100.00 dalam portfolio selama 30 hari kalendar dari tarikh pelaburan dibuat.
- (iv) Sebarang pengeluaran tidak dibenarkan sepanjang tempoh 30 hari kalendar tersebut.

5. Bagaimana saya boleh memantau status rujukan saya?

Halaman Rujukan akan mengandungi dua bahagian utama: "Bagaimana ia Berfungsi" dan "Referral Tracker". Bahagian "Bagaimana ia Berfungsi" akan menyenaraikan terma dan syarat asas program dan pautan ke dokumen T&C penuh akan disertakan. Sementara itu, "Referral Tracker" akan memaparkan jumlah ganjaran rujukan yang diperolehi.

6. Bagaimana saya boleh memantau ganjaran saya?

- (i) Log masuk ke aplikasi myASNB.
- (ii) Pergi ke Ria dengan mengklik ikon di bahagian atas atau bawah papan pemuka myASNB atau gunakan pintasan rujukan Ria di papan pemuka tersebut.
- (iii) Pilih pautan "Mulakan."
- (iv) Skrol ke bawah untuk mencari bahagian "Referral Tracker" yang terletak di bahagian bawah halaman.

7. Bagaimana saya (Perujuk/Dirujuk) boleh tahu saya sudah mendapat ganjaran?

Perujuk/Dirujuk akan diberitahu pada peringkat yang berbeza dalam program rujukan:

- (i) Apabila kod rujukan Perujuk dimasukkan oleh Dirujuk;
- (ii) Apabila Dirujuk memenuhi semua kriteria kelayakan; dan
- (iii) Apabila ganjaran rujukan dikreditkan.

8. Bagaimana saya akan menerima ganjaran saya?

ASNB akan secara automatik mendepositkan Ganjaran Rujukan dalam tempoh dua puluh lima (25) hari bekerja (Isnin hingga Jumaat, tidak termasuk cuti umum persekutuan) selepas pengesahan (oleh ASNB) bahawa Dirujuk telah kekal melabur dalam Portfolio selama sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalendar.

9. Adakah bilangan orang yang boleh saya rujuk adalah terhad?

Tiada sekatan terhadap kekerapan aktiviti rujukan oleh Perujuk.

10. Adakah Program Rujukan mempunyai tarikh luput?

Program Rujukan dijadualkan bermula pada 15 Julai 2024, pada 00:01 waktu (GMT +8), dan akan tamat pada 30 September 2025, pada 23:59 waktu (GMT +8), merangkumi kedua-dua hari tersebut.

KOD RUJUKAN DAN PAUTAN

1. Di mana saya boleh menemui kod rujukan atau pautan rujukan saya?

Perujuk boleh menemui kod rujukan dengan pergi ke halaman Referral dalam aplikasi myASNB.

- (i) Log masuk ke aplikasi myASNB.

- (ii) Pergi ke Ria dengan mengklik ikon di bahagian atas atau bawah papan pemuka myASNB atau gunakan pintasan rujukan Ria di papan pemuka tersebut.
- (iii) Klik pada pautan "Mula".
- (iv) Ada akan terus ke Halaman Rujukan Ria, di mana anda boleh mendapatkan kod rujukan unik anda.

2. Di mana rakan saya boleh memasukkan kod rujukan?

Rakan-rakan boleh memasukkan kod rujukan anda dalam bahagian "Masukkan Kod Rujukan", yang boleh diakses melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Log masuk ke aplikasi myASNB.
- (ii) Pergi ke Ria dengan mengklik ikon di bahagian atas atau bawah papan pemuka myASNB atau gunakan pintasan rujukan Ria di papan pemuka.
- (iii) Klik pada pautan "Mula".
- (iv) Pilih pautan "Masukkan Kod Rujukan".
- (v) Masukkan kod rujukan sah yang diberikan oleh rakan anda dan ketik butang "Masuk" untuk meneruskan.

3. Apabila rakan saya telah mendaftar tetapi terlupa menggunakan pautan atau kod rujukan saya, bolehkah rakan saya memasukkan kod rujukan saya selepas membuat deposit dalam akaun RIA yang sedia ada?

Kod rujukan ini hanya boleh digunakan oleh pengguna baru yang sebelum ini tidak mempunyai pelaburan dalam akaun RIA sebelum Program Rujukan ini bermula. Rakan anda masih boleh mendapat manfaat daripada program ini dengan menjadi Perujuk kepada pengguna baru Ria.

4. Di manakah saya dibenarkan untuk berkongsi kod rujukan saya?

Perujuk boleh berkongsi kod rujukan mereka melalui SMS, e-mel, WhatsApp, X (Twitter), Instagram, atau Facebook.

PERTANYAAN LAIN

1. Di manakah saya boleh menghubungi jika soalan saya tidak dijawab di sini.

Jika soalan anda belum dijawab di sini, anda boleh menghubungi:

Unit Perkhidmatan Pelanggan
Amanah Saham Nasional Berhad
Tingkat Bawah, Balai PNB,
201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

Pusat Khidmat Pelanggan ASNB: 03-77308899

Emel: asnbcare@asnb.com.my

Waktu Operasi Pusat Perkhidmatan Pelanggan:

Isnin - Ahad: 8.00 pagi - 8.00 malam

(*melainkan pada cuti umum negara & Wilayah Persekutuan)

END OF DOCUMENT